



KERAJAAN MALAYSIA Iklan Pra-Kelayakan Kontraktor

1. Kerajaan Malaysia berhasrat mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui Pra-Kelayakan untuk **Mereka Bentuk, Membina, Menyiapkan dan Mentauliah bagi Cadangan Projek Post Blackout : Protection Online Monitoring**

2. **Keterangan Am Kerja**

Objektif Projek : Memperkukuhkan sistem perlindungan untuk talian Beaufort ke Ranche-Ranche 132kV dan mengukuhkan sistem bekalan elektrik untuk Wilayah Persekutuan Labuan

Kerja – kerja di empat (4) lokasi pencawang iaitu Pencawang Masuk Utama (PMU) Beaufort, Stesen Pendaratan Lambidan, Stesen Pendaratan Tanjung Aru dan PMU Ranche-Ranche, Labuan melibatkan skop seperti berikut:

- i. Kerja naik taraf sistem perlindungan talian di empat (4) buah stesen melibatkan CT/VT/Isolator/Breaker/Relay dan lain lain;
- ii. Kerja naiktaraf sistem komunikasi di stesen terbabit dan di *Load Dispatch Centre* Penampang;
- iii. Kerja penukaran *skunk cable* kepada *Optical Ground Wire* (OPGW) di talian 132kV Beaufort-Labuan sejauh 79 km secara *live-line*; dan
- iv. Kerja pemasangan kabel gentian optik dasar laut 48 core sejauh 15 km antara Labuan dan Stesen Pendaratan Lambidan.

3. **Syarat-syarat untuk Pra-Kelayakan**

Permohonan Pra-Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut :-

- i) **Pendaftaran Kontraktor**

- a) Jenis Syarikat – T1 Syarikat 100% milik tempatan;
- b) Mempunyai pendaftaran seperti berikut :-
 - i. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);
 - ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred G7, Kategori ME dan Pengkhususan **E25**;
 - iii. Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dari menyertai tender, **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Pra Kelayakan ini. Setiap pendaftaran seperti di perenggan i) dan ii) di atas hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya melebihi tiga (3) bulan dari tarikh tutup Pra-Kelayakan.

- ii) **Keupayaan Kontraktor**

- a) **Keupayaan Kewangan**

Mempunyai *Nett Worth* melebihi **RM 6,400,000.00** atau Modal Pusingan (*Working Capital*) melebihi **RM 3,200,000.00** atau Modal Mudah Cair melebihi **RM 1,440,000.00**

- b) **Keupayaan Teknikal**

- Kontraktor hendaklah mempunyai pengalaman yang mencukupi iaitu kerja yang serupa atau sebanding* dengan skop kerja di dalam tempoh lima (5) tahun lalu serta berpengalaman sebagai Kontraktor Utama dan melaksana dan menyiapkan projek serupa . Namun begitu pengalaman sebagai sub-kontraktor bagi projek Kerajaan boleh di ambil kira;
- Nilai tahunan keseluruhan kerja bagi projek-projek pembinaan yang serupa yang dilaksanakan dengan jayanya tidak kurang dari **RM9,6000,000.00**; dan
- Kontraktor tidak mempunyai kerja semasa yang sakit serta bebas dari prestasi tidak memuaskan dari segi tempoh penyediaan projek serta kualiti kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dalam tempoh lima (5) tahun adalah memuaskan.

***sebanding** – Penukaran OPGW secara *live-line*, pemasangan kabel gentian optik dasar laut serta kerja naik taraf serta pembinaan PMU 132/33 kV.

4. Dokumen Pra-Kelayakan boleh diperolehi di pejabat **Kaunter Tender dan Sebut Harga, Bahagian Kewangan, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Aras 7, Blok C4, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62662 Putrajaya** dari **26 November 2018 (Isnin) hingga 10 Disember 2018 (Isnin)** dalam waktu pejabat;
5. Dokumen Pra-Kelayakan akan hanya dikeluarkan kepada wakil atau ejen kontraktor yang diberi kuasa sahaja. Wakil atau ejen dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran seperti di perenggan 3 (i) dengan menunjukkan sijil/perakuan pendaftaran asal;
6. Harga dokumen ialah **RM50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja)** senaskah dan hendaklah dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atau Draf Bank di atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)** dan dipalang 'Akaun Pembayar Sahaja'. Yuran dokumentasi ini tidak akan dikembalikan; dan
7. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dengan dinyatakan nama projek dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat berikut :

Kaunter Tender dan Sebut Harga, Bahagian Kewangan, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Aras 7, Blok C4, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62662 Putrajaya tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari pada 17 Disember 2018 (Isnin)**.